

PENGARUH OBJEKTIVI BERITA TENTANG TENAGA KERJA INDONESIA TERHADAP IMEJ MALAYSIA DI MATA MASYARAKAT SULAWESI SELATAN

DAS'AD LATIF
FAUZIAH AHMAD
NORMAH MUSTAFFA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap objektiviti berita akhbar di Sulawesi Selatan dalam menyampaikan berita mengenai permasalahan tenaga kerja Indonesia (TKI) di Malaysia. Kajian berhasrat untuk melihat apakah imej yang dibentuk oleh masyarakat Sulawesi selatan, samada positif atau negative terhadap majikan tenaga kerja Indonesia di Malaysia dan terhadap pemerintah Malaysia. Menurut teori Westershal, objektiviti berita dapat ditinjau daripada dua aspek iaitu menepati fakta (factuality) dan tidak memihak kepada sebelah pihak (impartiality). Kajian ini dijalankan dengan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk melengkapkan dan mengukuhkan dapatan kajian. Responden kaedah kuantitatif terdiri daripada pembaca yang melanggan akhbar *Harian Fajar* dan *Tribun Timur* yang telah dipilih secara rawak iaitu seramai 377 orang. Manakala kaedah kualitatif diperoleh daripada daripada temu bual secara mendalam dan perbincangan kumpulan fokus. Keputusan kajian ini menunjukkan terdapat pengaruh objektiviti berita tentang tenaga kerja Indonesia di Malaysia terhadap imej Malaysia di mata masyarakat kota Makassar. Hal ini disebabkan kerana berita yang disajikan tidak relevan, kurang mengandungi kebenaran, tidak seimbang dan tidak bersifat neutral. Kedua-dua akhbar yang dijadikan sebagai objek penelitian dinilai dari sudut faktualiti dan impartialiti dalam menyajikan berita-berita mengenai tenaga kerja Indonesia Malaysia. Kajian mendapati bahawa, ruang dan isi berita untuk menjelaskan sesuatu kejadian lebih banyak diberikan kepada tenaga kerja Indonesia dan pemerintah Indonesia jika dibandingkan ruang yang diberikan kepada pihak majikan tenaga kerja Indonesia atau pemerintah Malaysia. Justeru ini membawa kepada penghasilan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat Sulawesi selatan terhadap pemerintah Malaysia. Kajian ini melahirkan suatu pandangan bahawa berita yang tidak objektif, tidak menepati fakta, tidak seimbang dan bersifat berat sebelah boleh memberi kesan buruk kepada Negara yang terbabis. Selain daripada itu berita yang disampaikan secara negative dan tidak objektif terhadap sebuah negara mampu untuk membangkitkan sentimen kebencian dan menyebabkan munculnya konflik antara dua buah negara yang dianggap sebagai negara serumpun.

Kata kunci: Pengaruh, objektiviti, berita, tahap objektiviti, imej.

THE INFLUENCE OF NEWS OBJECTIVITY OF INDONESIA LABOURS ON THE IMAGE OF MALAYSIA IN TH EYES OF THE PEOPLE OF SOUTH SULAWESI

Abstract

This study was undertaken to address the validity of news from South Sulawesi newspapers in reporting the issues of Indonesian labors (TKI) in Malaysia. The purpose is to ensure the objectivity of news read by the public to prevent the formation of negative perceptions of Makassar people towards Malaysians. According to Westershal theory, the objectivity of the news can be viewed from two perspectives- the factuality and impartiality. The research employed a combination of both quantitative and qualitative method of investigation. The emphasis of the investigation was on quantitative data supported by a qualitative data. The population of the study included subscribers of *Harian Fajar* and *Tribun Timur* daily newspapers. The sample was determined by means of proportionate stratified random sampling with 377 people. The literature review as well as in depth interview on focus group discussion were used in obtaining qualitative data. The study found out that there is an implication of news objectivity regarding workers in Malaysia on the perceptions of Makassar people towards Malaysians. This is because the reported news was invalid, irrelevant, unreliable, and biased. Both newspapers used in this survey had the tendency to be highly in favor of Indonesian workers in Malaysia. This is becoming evident as more spaces were provided for reporting either workers or the government of Indonesia in Malaysia than the coverage of news about the employers of Indonesian workers in Malaysia. In other words, the content of news tended to benefit the workers or Indonesian government. The irrelevant news led to the emergence of negative perceptions among the people of South Sulawesi towards Malaysian government. The present study has confirmed that the news which is not objective (not factuality and impartiality) towards a country can generate negative image which will in turn lead to resentment and adverse conflict between the two neighboring countries.

Keywords: *Influence, objectivity, news, objectivity level, image*

PENGENALAN

Terdapat tindakan diambil oleh lembaga akhbar Indonesia yang ternyata mengabaikan prinsip dan etika kewartawanan dalam penulisan berita hingga menyebabkan akhbar Indonesia sering kali mengemukakan isu-isu yang bersifat provokatif sehingga ia dikategorikan sebagai akhbar yang subjektif. Menurut Ali (1998), akhbar yang subjektif dapat dilihat melalui kecenderungan pemilik modal dan pemegang saham yang semata-mata bertindak hanya untuk memenuhi kepentingan peribadi para pengelolanya sendiri. Kekangan ini menyebabkan akhbar kebangsaan Indonesia tidak dapat memainkan peranan sebagai media yang efektif dalam meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat Indonesia. Tindakan media massa dan akhbar yang sering kali mengemukakan persoalan-persoalan yang bersifat subjektif dan cenderung kepada penulisan yang provokatif, sehingga mampu membawa kepada perselisihan di antara pihak-pihak yang berkaitan sewajarnya tidak boleh dilakukan. Situasi ini hanya menyebabkan akhbar yang sepatutnya menjadi identiti bangsa dan negara untuk pembangunan sebaliknya menjadi pemangkin kepada kemusnahan bagi akal fikiran manusia.

Presiden Susilo Bambang Yudoyono dalam sambutan Hari Akhbar Nasional pada 9 Februari 2011, menyatakan bahawa kebanyakan akhbar di Indonesia kurang objektif dalam penulisan berita yang disampaikan. Terdapat kenyataan lain yang mengemukakan persoalan yang sama iaitu semasa perjumpaan kakitangan Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) Pusat di Istana Merdeka beberapa hari sebelum sambutan perayaan Hari Akhbar Nasional. Oleh itu, sesuatu yang tidak menghairankan sekiranya akhbar Indonesia mendapat kritikan lantaran semakin mundurnya nilai-nilai norma dalam objektiviti berita yang mendasari berita yang mereka sampaikan, seperti Akhbar di Sulawesi Selatan, iaitu *Harian Fajar* dan *Tribun Timur*. Fenomena ini dapat dilihat ekoran semakin menurunnya kualiti isi berita yang dihasilkan oleh akhbar yang terbit di daerah tersebut.

Kualiti pengisian berita di dalam akhbar yang rendah berlaku disebabkan oleh nilai-nilai objektif yang telah diabaikan. Secara tidak langsung pengabaian

ini memberi impak terhadap kredibiliti akhbar yang berkaitan. Kajian lepas menunjukkan bahawa media cetak di Indonesia berada dalam keadaan yang lemah berikutan wujudnya tekanan daripada pihak yang berkepentingan seperti pihak penguatkuasa serta pemilik media. Tekanan-tekanan seperti ini jelas membuatkan media cetak cenderung berorientasikan kepada kepentingan pemerintah dan pemilik saham. Media massa dianggap sengaja mengabaikan kepentingan khalayak ramai dan masyarakat secara amnya. Menurut Senjaya (1998) situasi ini mengakibatkan kredibiliti media cetak di mata masyarakat Indonesia semakin menurun.

Hidayat (1996) pula berpendapat bahawa kredibiliti media cetak kebangsaan di Indonesia semakin lemah disebabkan oleh sistem komunikasi dan campur tangan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan politik dalam media massa. Menurut beliau terdapat dua faktor yang menjadi penyebabnya. Pertama, kelemahan para pengelola media cetak dalam menghadapi tekanan politik daripada pihak luar dalam mengenal pasti dan menggambarkan realiti sosial. Tekanan tersebut tidak hanya mempengaruhi objektif bagi syarikat media itu sendiri tetapi juga mempengaruhi objektif antara satu media dengan media yang lain. Ini menyebabkan media dalam penulisan beritanya tidak mempunyai kebebasan dalam menulis dan mengemukakan pendapat yang mampu untuk meningkatkan wawasan minda bagi masyarakat setempat.

Kedua, politik media dalam organisasi syarikat-syarikat media massa memperlihatkan kedudukan pengaruh tertentu yang semakin kukuh dalam sistem komunikasi politik. Hal ini dapat di gambarkan melalui pemilikan pelbagai syarikat media cetak oleh tokoh-tokoh elit politik yang mungkin memiliki persamaan ideologi atau gagasan mengenai realiti sosial. Situasi ini menyebabkan media cetak cenderung berorientasikan kepada kepentingan tokoh-tokoh elit politik tersebut sehinggakan terdapat dalam kes-kes tertentu media massa dianggap sengaja mengabaikan kepentingan khalayak ramai dan masyarakat sebaliknya penulisan berita adalah bersifat berat sebelah dengan memberikan sokongan kepada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan.

Fenomena pemaparan berita yang bersifat provokatif yang bertujuan untuk mempengaruhi, menunjukkan bahawa prinsip-prinsip objektiviti dalam penulisan berita dalam akhbar telah diabaikan. Apabila perkara ini dibiarkan, maka tidak mustahil kredibiliti akhbar Indonesia akan semakin terjejas di mata khalayaknya. Malah memburukkan keadaan, apabila arus maklumat media massa yang mengalir di antara kedua-dua negara berjalan secara tidak objektif, tidak seimbang dan bersifat menghancurkan, natijahnya keharmonian hubungan masyarakat antara kedua-dua negara tersebut akan terancam. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa baik buruknya maklumat atau berita media massa yang mengalir dalam masyarakat akan mempengaruhi kualiti hubungan masyarakat antara satu negara dengan negara-negara lain termasuk hubungan antara masyarakat Indonesia dan Malaysia.

Rendahnya kualiti isi akhbar yang disebabkan oleh nilai-nilai objektiviti yang diabaikan, tentu akan berpengaruh terhadap kredibiliti akhbar yang berkaitan. Pengalaman di masa lampau (zaman orde baru), menunjukkan bahawa media cetak di Indonesia berada dalam kondisi yang lemah disebabkan oleh tekanan-tekanan daripada kepentingan pihak penguasa dan pemilik media. Tekanan-tekanan seperti ini jelas telah membuatkan media cetak cenderung hanya berorientasi pada kepentingan pemerintah dan pemilik saham. Media dinilai cenderung mengabaikan kepentingan khalayak ramai dan masyarakat secara luas. Akibatnya menurut Senjaya (1998), kredibiliti media cetak di mata masyarakatnya semakin menurun.

Media massa dan akhbar yang tidak objektif mengakibatkan wujud perasaan benci dalam kalangan masyarakat Indonesia terhadap kerajaan Malaysia. Ini bermakna maklumat dan berita tentang malaysia akan mempengaruhi sikap dan pendapat masyarakat Indonesia terhadap Malaysia.

Seharusnya media massa dan akhbar lebih bertanggungjawab terhadap maklumat dan berita secara objektif demi memelihara kedamaian di antara Indonesia dan Malaysia, ini seiring dengan amanat dari cita-cita Republik

Indonesia seperti yang termaktub dalam undang-undang dasar 1945 iaitu Indonesia perlu memainkan peranan dan ikut serta dalam memelihara perdamaian dunia.

Media massa atau akhbar seharusnya menyampaikan berita dan maklumat yang membawa kepada perdamaian di antara Indonesia dan Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian mendapati kenyataan-kenyataan yang terdapat di dalam media massa Indonesia cenderung kearah tidak menepati objektif yang telah ditetapkan. Contoh, terdapat berita mengenai penderaan dan penganiayaan sahaja tanpa memberikan sebab kepada terjadinya kezaliman dan penderaan tersebut. Kedua, tidak memberikan ruang kepada pihak Malaysia untuk menjawab menjawab pertuduhan dan menjelaskan keadaan yang sebenarnya. Ketiga, media massa Indonesia jarang sekali menyebarkan maklumat tentang tenaga kerja Indonesia yang memperoleh kejayaan atau menikmati kesenangan dan kemewahan di Malaysia. Keempat, media massa jarang memberikan maklumat tentang tenaga kerja Indonesia yang di perlakukan secara baik oleh majikan mereka. Realitinya terdapat tenaga kerja Indonesia yang mendapat bantuan dan dilayan secara baik oleh majikan Malaysia dihantar mengerjakan ibadah umrah atau haji oleh majikan mereka.

Dari perbincangan di atas, maka secara ringkasnya objektif kajian untuk penulisan ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap objektiviti berita akhbar Harian Fajar dan Tribun Timur tentang Tenaga Kerja Indonesia (TKI) di Malaysia.
2. Menganalisis pengaruh objektiviti berita mengenai Tenaga kerja Indonesia di Malaysia terhadap imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi selatan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan percampuran kaedah penyelidikan iaitu kualitatif dan juga kuantitatif. Pendekatan kualitatif adalah kumpulan fokus dalam kalangan

penulis berita, pakar kewartawanan serta NGO media dan juga temu bual secara mendalam kepada pihak-pihak berkait dalam kajian ini untuk melihat sejauh mana dan mengapa berita tentang tenaga kerja Indoneisa (TKI) perlu menjadi lebih telus dan mempunyai kredibiliti yang sebenar. Persoalan talian ini akan terjawab dengan menggunakan kaedah kajian ini.

Manakala daripada aspek kuantitatif pula akan menggunakan soal selidik untuk menjawab pertanyaan mengenai pandangan dan persepsi masyarakat bagi melihat kesan pengaruh penyebaran maklumat melalui akhbar yang akan di ukur secara regresi liner. Manakala analisis kandungan pula adalah berdasarkan pencarian maklumat daripada akhbar *Harian Fajar* dan *Tribun Timur* yang diterbitkan di Sulawesi Selatan, bahagian timur Indonesia.

Populasi dalam penelitian ini adalah seluruh pelanggan akhbar *Fajar* dan *Tribun Timur* yang bermukim di kota Makassar. Data di bahagian sirkulasi *Harian Fajar* menunjukkan bahawa jumlah pelanggan harian ini di kota Makassar per 22 April 2010 sebanyak 12.301. Sementara jumlah pelanggan *Harian Tribun Timur* berdasarkan data di bahagian sirkulasi adalah sebanyak 7.500 pelanggan. Dengan demikian, jumlah keseluruhan populasi adalah 19.801 pelanggan.

Besarnya sampel dalam penelitian dikira berdasarkan jadual Krecjie dengan tingkat kesalahan 5 peratus. Berdasarkan jadual Krecjie dalam Sugiyono (1997), maka besarnya sampel penelitian dengan populasi sebesar 19.801 adalah: 377. Besarnya proporsi sampel masing-masing akhbar ditentukan secara *proportionate stratified random sampling* iaitu sebagai berikut:

$$\text{Harian Fajar} \quad : \quad \frac{12.301}{19.801} \times 377 = 234$$

$$\text{Harian Tribun Timur} \quad : \quad \frac{7500}{19.801} \times 377 = 143$$

Sampel ini selanjutnya akan dijadikan sebagai responden dalam penelitian. Untuk menentukan sampel yang layak dijadikan sebagai responden maka digunakan

kriteria-kriteria tertentu, yaitu pelanggan tersebut minimum sudah berlangganan akhbar *Fajar* dan *Tribun Timur* lebih daripada satu tahun, pernah punya pengalaman secara langsung atau tidak langsung dengan peristiwa yang disajikan dalam akhbar *Fajar* dan *Tribun Timur* serta membaca berita secara tuntas dan cermat. Responden yang memenuhi kriteria ini selanjutnya dimasukkan dalam kelompok strata yang akan diamati

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Kertas ini membincangkan dua dimensi kajian yang utama, iaitu dimensi pengaruh objektivi berita dan dimensi imej Malaysia dimata masyarakat Sulawesi selatan. Antara teknik analisis data dalam penelitian ini bersifat kuantitatif dengan memberi kuantifikasi terhadap pembolehubah-pembolehubah yang akan diteliti dan selanjutnya diuji dengan alat statistik. Penggunaan alat statistik ini diperlukan untuk menguji hipotesis yang telah dibuat sebelumnya. Teknik analisis data yang akan digunakan meliputi:

- 1) Analisis regresi linear sederhana; teknik analisis ini digunakan untuk mengukur hubungan fungsional antara satu pembolehubah bebas (*independent variabel*) dan satu pembolehubah terikat (*dependent variabel*). Rumus yang digunakan: $Y = a + b X$
- 2) Analisis regresi linear berganda dengan dua prediktor; teknik ini digunakan untuk mengukur pengaruh dua prediktor pembolehubah bebas secara bersama-sama iaitu pembolehubah faktualiti berita (X_1) dan pembolehubah impartialiti berita (X_2) terhadap pembolehubah terikat imej malaysia (Y). Persamaan regresi untuk dua prediktor adalah:

$$Y = b_0 + b_1X_1 + b_2X_2$$

Dimana:

Y = Imej Malaysia
X1 = faktualiti

X_2 = impartialiti
 b_0 = nilai konstanta
 b = koefisien regresi

Berikut adalah dapatan hasil kajian mengenai pengaruh objektivi berita tentang tenaga kerja Indonesia di Malaysia terhadap imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi selatan. Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan responden kajian mengikut jenis kelamin, tingkat pendidikan, kekerapan membaca akhbar. Untuk jelasnya dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 1 Profil responden berdasarkan jenis kelamin, tingkat pendidikan

Demografi	kategori	kekerapan	peratus
Jantina	lelaki	222	58.9 %
	Perempuan	155	41.1 %
Pendidikan	tamat sma	48	12.7 %
	Diploma	38	10.1 %
	Sarjana	258	68.4 %
	Master	29	7.7 %
	Doctor	4	1.1 %
Membaca SK	satu kali sehari	122	32.4 %
	Dua kali sehari	233	61.8 %
	Tiga kali sehari	22	5.8 %

Tahap objektiviti akhbar di Sulawesi selatan dalam memberitakan masalah tenaga kerja Indonesia di Malaysia

Pembahasan berikut adalah menjawab objektif kajian pertama iaitu Mengenal pasti tahap objektiviti berita akhbar di Sulawesi selatan dalam menyampaikan berita mengenai masalah tenaga kerja Indonesia di Malaysia.

Tahap objektiviti pemberitaan mengenai TKI dalam kajian ini diukur melalui dua pemboleh ubah utama iaitu pembolehubah Faktual (X_1) dan pembolehubah Kesaksamaan (X_2). Jadi, penerangan mengenai tahap objektiviti berita TKI ini akan dimulakan dengan menganalisis tahap Faktual (X_1) dan Kesaksamaan (X_2) pemberitaan TKI di akhbar Fajar dan Tribun Timur.

Tahap Faktualiti Berita TKI (X_1)

Tahap faktual pemberitaan TKI di Malaysia yang disiarkan oleh akhbar harian Fajar dan Tribun Timur diukur berdasarkan maklum balas secara lisan atau persepsi responden terhadap sejumlah indikator faktual yang meliputi sokongan fakta dalam pemberitaan, kejelasan data dan fakta, pencampuran fakta dan pendapat wartawan dalam pemberitaan, kebenaran data dan fakta serta kelengkapan dan ketuntasan pemberitaan.

Data menunjukkan bahawa majoriti berita tentang TKI di Malaysia sentiasa disokong oleh data dan fakta (lihat jadual 2)

Jadual 2 Kecenderungan Sokongan Data dan Fakta dalam pemberitaan TKI di Malaysia

No	Sokongan Data dan Fakta Dalam Berita TKI	Kekerapan	Peratus
1	Jarang	149	39,5%
2	Sering	179	47,5%
3	Selalu	49	13,0%
JUMLAH		377	100%

Selain itu, data dan fakta dalam pemberitaan TKI di Malaysia dalam akhbar Fajar dan Tribun Timur juga diakui adalah cukup jelas (lihat jadual 3).

Jadual 3 Kejelasan Data dan Fakta dalam Pemberitaan TKI di Malaysia

No	Kejelasan Data dan Fakta Dalam Berita TKI	Kekerapan	Peratus
1	Kurang Jelas	131	34,7%
2	Cukup Jelas	225	59,7%
3	Jelas	21	5,6%
JUMLAH		377	100%

Jadual 4 menunjukkan data tentang tahap persepsi mereka mengenai pencampuran fakta dan pendapat oleh wartawan harian Fajar dan Tribun Timur dalam penyediaan berita tentang TKI di Malaysia.

Jadual 4 Pencampuran Fakta dan Pendapat dalam Pemberitaan TKI di Malaysia

No	Pencampuran Fakta dan Pendapat	Kekerapan	Peratus
1	Selalu	7	1,8 %

2	Sering	142	37,7%
3	Jarang	228	60,5%
JUMLAH		377	100%

Walaupun disokong oleh data dan fakta, namun majoriti responden dalam kajian ini berpandangan bahawa wartawan Fajar dan Tribun Timur jarang melakukan pengesahan terhadap kebenaran informasi khususnya bagi pihak majikan TKI di Malaysia atau pemerintahan Malaysia (lihat jadual 5).

Jadual 5 Mengesahkan Kebenaran Data dan Fakta Pemberitaan TKI di Malaysia

No	Pencampuran Fakta dan Pendapat	Kekerapan	Peratus
1	Tidak Pernah	48	12,7%
2	Jarang	283	75,1%
3	Sering	45	11,9%
4	Selalu	1	0,3%
JUMLAH		377	100%

Kajian tentang faktual pemberitaan TKI di Malaysia yang disajikan di akhbar Fajar dan Tribun Timur juga diukur berdasarkan kelengkapan unsur-unsur berita. Unsur berita yang dimaksudkan di sini ialah unsur 5W+1H (*What, Who, Where, When, Why* dan *How*). Data menunjukkan, majoriti responden iaitu 67,4% menilai bahawa berita tentang TKI di Malaysia yang disajikan kedua-dua akhbar tersebut adalah kurang lengkap dari segi maklumat berita (lihat jadual 6).

Jadual 6 Kelengkapan Data dan Fakta Pemberitaan TKI di Malaysia

No	Kelengkapan Berita	Kekerapan	Peratus
1	Tidak Lengkap	61	16,2%
2	Kurang Lengkap	254	67,4%
3	Cukup Lengkap	60	15,9 %
4	Lengkap	2	0,5 %
JUMLAH		377	100%

Selain dianggap pemberitaan yang kurang lengkap dari segi informasinya, responden dalam kajian ini secara umumnya menganggap liputan oleh wartawan kedua-dua akhbar ini adalah kurang tuntas atau langsung tidak tuntas dari segi memberitakan kes-kes yang menimpa TKI di Malaysia. (lihat Jadual 7).

Jadual 7 Ketuntasan Liputan dan Pemberitaan TKI di Malaysia

No	Ketuntasan Peliputan	Kekerapan	Peratus
1	Tidak Tuntas	48	12,7%
2	Kurang Tuntas	248	65,8%
3	Cukup Tuntas	81	21,5
JUMLAH		377	100%

Keenam-enam indikator tentang faktual data dan fakta yang diuraikan tersebut di atas seterusnya dikod semula untuk mengukur tahap faktual pemberitaan TKI di Malaysia. Hasilnya menunjukkan bahawa jawapan atau tanggapan responden atas pertanyaan tentang faktual cenderung untuk mempunyai daya tarikan (*affinity*) dalam dua kecenderungan umum sehingga sub pembolehubah tahap faktual ini dikategorikan dalam dua kategori utama iaitu kategori rendah dan tinggi. Berita TKI yang memiliki tahap faktual rendah memiliki rentang diantara nilai 6 hingga 14. Sementara berita yang masuk kategori tahap tinggi faktualnya memiliki rentang diantara nilai 15 hingga 24.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa secara umumnya, responden menilai bahawa tahap faktual berita TKI yang disajikan akhbar Fajar dan Tribun Timur tergolong dalam kategori rendah (lihat Jadual 8)

Jadual 8 Taburan Tahap Faktual Berita TKI di Malaysia

No	Faktual (<i>Factuality</i>)	Kekerapan	Peratus
1	Rendah	203	53,8%
2	Tinggi	174	46,2%
JUMLAH		377	100%

Secara umumnya tahap faktual berita mempunyai kecenderungan untuk berada pada tahap cukup tinggi. Namun jika melihat tahap faktual berita secara berasingan dalam akhbar Tribun Timur dan Fajar dapat dilihat bahawa terdapatnya perbezaan di antara kedua-duanya. Faktual berita yang disajikan oleh harian Tribun Timur ternyata dinilai lebih rendah tahap faktual beritanya dibandingkan dengan faktual berita yang disajikan oleh akhbar harian Fajar.

Hal ini dapat dilihat pada dari maklum balas responden terhadap tahap faktual berita yang berkategori rendah (lihat Jadual 9).

Jadual 9 Taburan Tahap Faktual Berita TKI di Akhbar Fajar dan Tribun Timur

No	Faktual Berita	Akhbar		JUMLAH
		Tribun Timur	Fajar	
1	Rendah	79 (55,2%)	124 (53,0%)	203 (53,8%)
2	Tinggi	64 (44,8%)	110 (47,0%)	174 (46,2%)
JUMLAH		143 (100%)	234 (100%)	377 (100%)

Tahap Kesaksamaan (X₂)

Selain pembolehubah faktual, pembolehubah lain yang juga digunakan untuk mengukur objektiviti sesuatu berita adalah pembolehubah kesaksamaan atau sifat tidak berpihak. Secara umumnya, tahap kesaksamaan atau sifat tidak berpihak wartawan akhbar harian Fajar dan Tribun Timur dalam menyajikan berita tentang TKI Indonesia diukur dengan dua kriteria utama iaitu kriteria keseimbangan (*balance*) dan kriteria neutral (*neutral presentation*). Kriteria keseimbangan selanjutnya diukur dengan indikator pemberian ruang dan kesempatan yang relatif sama, seimbang dan tidak berat sebelah. Sementara kriteria neutral diukur dengan indikator tidak bersifat sensasi atau tidak melebih-lebihkan isi berita serta tidak memberikan penilaian penilaian yang bersifat cenderung untuk berpihak kepada salah satu pihak tertentu (lihat jadual 10)

Jadual 10 Taburan Tahap Keseimbangan Berita TKI di Malaysia

No	Keseimbangan (Balance)	Kekerapan	Peratus
1	Rendah	347	92%
2	Tinggi	30	8%
JUMLAH		377	100%

Selain dinilai tidak seimbang, pemberitaan tentang TKI di Malaysia oleh akhbar harian Fajar dan Tribun Timur juga dinilai kurang sifat neutralnya (lihat jadual 11).

Jadual 11 Taburan Tahap Keneutralan Berita TKI di Malaysia

No	Keneutralan	Kekerapan	Peratus
1	Rendah	280	74,3%
2	Tinggi	97	25,7%
JUMLAH		377	100%

Sub pembolehubah keseimbangan dan keneutralan di atas selanjutnya disatukan untuk dijadikan indikator dalam mengukur tahap kesaksamaan pemberitaan TKI di Malaysia. Majoriti responden bersetuju bahawa berita tentang TKI di Malaysia yang disiarkan dalam akhbar harian Tribun Timur dan Fajar mempunyai kecenderungan untuk lebih berpihak kepada TKI atau pemerintah Indonesia berbanding majikan atau pemerintah kerajaan Malaysia.

Jadual 12 Taburan Kekerapan Tahap Kesaksamaan Berita TKI

No	Kesaksamaan	Kekerapan	Peratus
1	Rendah	344	91,2%
2	Tinggi	33	8,8%
JUMLAH		377	100%

Pembolehubah kesaksamaan (X_2) ini selanjutnya digabungkan dengan pembolehubah faktual (X_1). Gabungan kedua-dua pembolehubah ini adalah bertujuan untuk mengukur tahap objektiviti berita (X) akhbar Fajar dan Tribun Timur. Pembolehubah objektiviti berita ini diukur melalui 12 butiran soalan dengan rentang nilai 1 hingga 4. Dengan demikian rentang nilai objektiviti berita adalah 12 hingga 48. Rentang tahap objektiviti ini kemudian dikod semula menjadi dua kategori iaitu rendah dan tinggi. Berita yang memiliki tahap objektiviti rendah memiliki rentang nilai 12 hingga 29. Sementara berita dalam kategori tinggi tahap objektivitinya memiliki rentang nilai 30 hingga 48.

Merujuk kepada pengkategorian tahap objektiviti di atas, maka hasil kajian terhadap tahap objektiviti berita menunjukkan bahawa majoriti responden menilai berita TKI yang disiarkan adalah rendah tahap objektivitinya (lihat jadual 14)

Jadual 14 Taburan Kekerapan Tahap Objektiviti Berita

No	Objektiviti	Kekerapan	Peratus
1	Rendah	319	84,6%
2	Tinggi	58	15,4%
JUMLAH		377	100%

Merujuk pada kategorisasi tingkat objektiviti berita, maka hasil penelitian terhadap tingkat objektiviti berita memperlihatkan bahawa majoriti responden dalam penelitian ini atau sebanyak 84.6% menilai berita TKI yang disajikan cenderung rendah tingkat objektivitinya.

Jadual 16 Taburan Kekerapan Tingkat Objektiviti Berita

No	Objektiviti	Kekerapan	Peratus
1	Rendah	319	84,6%
2	Tinggi	58	15,4%
Jumlah		377	100%

Analisis objektiviti berita tenaga kerja Indonesia di Malaysia terhadap imej Malaysia di mata masyarakat Sulewesi Selatan

Menganalisis pengaruh masing-masing variabel faktualiti berita (X_1) dan impartialitas berita (X_2) terhadap variabel Imej Malaysia (Y), maka akan dianalisis pengaruh variabel (X_1) dan (X_2) ini secara bersama-sama terhadap varaibel Y . Karena variabel faktualiti berita (X_1) dan variabel impartialitas berita (X_2) secara bersama-sama merupakan pembentuk variabel utama Objektiviti berita (X) maka hasil analisis pengaruh variabel X_1 dan X_2 secara bersama-sama terhadap variabel (Y) ini nantinya akan digunakan untuk menilai pengaruh variabel utama Objektiviti Berita TKI (X) terhadap Imej Malaysiadi mata masyarakat Sulawesi Selatan(Y).


Untuk menganalisis pengaruh variabel X_1 dan X_2 secara bersama-sama terhadap variabel Y maka digunakan analisis regresi berganda dengan dua prediktor. Namun sebelum dilakukan analisis regresi berganda dengan dua

predictor maka perlu dilakukan uji korelasi berganda. Uji korelasi Ganda ini akan menggunakan bantuan program SPSS Versi 20.0.

Hasil uji korelasi ganda variabel faktualiti berita (X_1) dan impartialitas berita (X_2) dengan Imej Malaysia (Y) menunjukkan nilai $R_{X_1X_2} = 0,492$. Karena nilai R bersifat positif maka dapat dikatakan bahwa variabel faktualiti berita (X_1) dan impartialitas berita (X_2) secara bersama-sama memiliki korelasi yang positif dan dengan tingkat keeratan hubungan sedang terhadap Imej Malaysia (Y). Dengan kata lain variabel utama objektiviti berita (X) memiliki korelasi yang positif dengan tingkat keeratan hubungan sedang terhadap variabel Imej Malaysia (Y).

Bila melihat hasil korelasi berganda di atas maka tampak bahwa nilai korelasi variabel faktualiti berita (X_1) dan variabel impartialitas berita (X_2) secara bersama-sama terhadap Imej Malaysia (Y) ternyata lebih besar dibandingkan dengan nilai korelasi parsial masing-masing variabel independen terhadap variabel dependent. Nilai korelasi parsial antara variabel (X_1) dan Imej Malaysia adalah sebesar $r = 0,22$. Sementara nilai korelasi parsial antara variabel impartialitas berita (X_2) dan Imej Malaysia (Y) adalah sebesar $r = 0,491$. Ini juga berarti bahwa variabel faktualiti berita (X_1) dan variabel impartialitas berita (X_2) secara bersama-sama berkorelasi secara positif dengan variabel kredibiliti pers (Y).

Untuk memastikan model regresi memang benar-benar layak digunakan untuk memprediksi Imej Malaysia berdasarkan masukan variabel faktualiti berita dan impartialitas berita TKI secara bersama-sama, maka perlu dilakukan uji normal. Untuk menguji taburan normal data maka digunakan salah satu metode pengukuran normal data yang menggunakan RAJAH *normal probability plot* atau lazim dikenal dengan sebutan Normal P-P Plot. Untuk itu, penulis menggunakan bantuan program *Statistical Product and Service Solution* atau lazim dikenal dengan program SPSS versi 20.0. Hasil uji normal data secara bersama-sama antara faktualiti bertia (x_1) dan impartialitas berita (X_2) terhadap kredibiliti (Y) dapat dilihat pada rajah di bawah ini.



Rajah 1. Taburan Normal Faktualiti Berita (x_1) & Impartialitas Berita (X_2) dengan Imej Malaysia (Y).

Pembolehubah bebas faktualita berita (X_1) dan Impartialitas berita (X_2)

Untuk dapat menyimpulkan normal tidaknya data berdasarkan RAJAH normal di atas maka perlu diperhatikan asumsi-asumsi utama RAJAH normal yaitu bahwa jika data menyebar di sekitar garis diagonal dan mengikuti arah garis diagonal, maka model regresi memenuhi asumsi normal. Sebaliknya jika data menyebar jauh dari garis diagonal dan/atau tidak mengikuti arah garis diagonal maka model regresi tidak memenuhi asumsi normal.

Rajah di atas memperlihatkan bahwa titik-titik menyebar di sekitar garis diagonal serta penyebarannya mengikuti arah garis diagonal. Hal ini berarti bahwa data variabel faktualiti berita (X_1) dan impartialitas berita (X_2) dan variabel Imej Malaysia (Y) bertaburan secara normal. Merujuk pada analisis taburan normal di atas, maka secara bersama-sama data faktualiti berita (X_1) dan impartialitas berita (X_2) dan Imej Malaysia (Y) dalam penelitian ini dianggap sudah memenuhi syarat untuk dianalisis dengan model regresi.

Selanjutnya dibuat model persamaan regresi berganda untuk memprediksi pengaruh secara bersama-sama tingkat faktualiti berita (X_1) dan impartialitas berita (X_2) terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y). Adapun model persamaan regresinya adalah sebagai berikut:

$$Y = 3,181 + 0,037 X_1 + 0,497 X_2$$

Merujuk pada persamaan regresi berganda tersebut di atas maka dapat disimpulkan bahwa jika tanpa adanya pembolehubah Faktualiti Berita dan Impartialitas berita secara bersama-sama maka Imej Malaysia adalah sebesar 3,181. Setiap peningkatan 1 tingkat Faktualiti Berita TKI maka akan meningkatkan Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan sebesar 0,037. Sementara itu, setiap peningkatan 1 tingkat Impartialitas Berita TKI (X_2) maka akan meningkatkan Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan sebesar 0,497.

Sebelum membuat analisis regresi lebih lanjut maka perlu dirumuskan kembali hipotesis di bawah ini :

Ho: "Faktualiti Berita (X_1) dan Impartialitas Berita (X_2) secara bersama-sama tidak berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Imej Malaysia (Y)"

Hi: "Faktualiti Berita (X_1) dan Impartialitas Berita (X_2) secara bersama-sama berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Imej Malaysia (Y)"

Sebagaimana diuraikan sebelumnya bahwa hasil korelasi berganda variabel faktualiti berita (X_1) dan variabel impartialitas (X_2) terhadap Imej Malaysia (Y) $R = 0,492$. Hal ini berarti bahwa korelasi berganda antara Imej Malaysia dengan dua variabel independennya (X_1) dan (X_2) bersifat positif dengan tingkat keeratan hubungan sedang.

Untuk mengetahui besarnya tingkat signifikansi regresi maka dilakukan uji F. Uji F ini sengaja digunakan karena menguji pengaruh dua pembolehubah secara simultan (X_1 , X_2) dengan variabel Y . Hasil Uji F dengan menggunakan program SPSS menunjukkan $F_{hitung} = 59,751$ dengan tingkat signifikansi 0,000.

Nilai F hitung ini selanjutnya dibandingkan dengan nilai F jadual. Nilai F jadual dengan dk pembilang=2 dan dk penyebut $(377-2-1) = 374$ pada taraf signifikansi 5% = 3,03 dan 1% = 4,7. Karena nilai F hitung jauh lebih besar dari nilai F jadual ($F_{hit.} = 59,751 > F_{tab.} = 4,7$ pada taraf signifikansi 1%) dan nilai probabilitasnya (0,000) jauh lebih kecil dari 0,05 maka hipotesis H_0 ditolak dan H_1 diterima. Dengan demikian dapatlah disimpulkan bahwa variabel faktualiti berita TKI di Malaysia (X_1) dan impartialitas berita TKI di Malaysia (X_2) secara bersama-sama berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Imej Malaysiadi mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y).

Selanjutnya untuk menentukan apakah varians yang terjadi pada variabel Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan dapat dijelaskan melalui varians yang terjadi pada variabel faktualiti berita (X_1) dan impartialitas berita (X_2) maka digunakan koefisien penentu atau coefficient determinasi. Coefficient determinasi dapat diketahui dengan cara mengkuadratkan nilai coefficient korelasi R. Jika nilai R (0,492) dikuadratkan maka nilai koefisien determinasinya (R^2) = 0,242. Bila nilai coefficient determinasi ini dikalikan dengan 100% maka hasilnya = 24,2%. Ini berarti bahwa Imej Malaysia di mata Sulawesi Selatan sebesar 24,2 % dapat dijelaskan melalui varians yang terjadi secara bersama-sama kedua variabel independennya yaitu variabel faktualiti berita (X_1) dengan impartialitas berita (X_2). Dengan kata lain, Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y) dipengaruhi oleh variabel faktualiti berita (X_1) dan variabel impartialitas berita (X_2) secara bersama-sama sebesar 24,2%. Sisanya iaitu sebanyak 75,8% dipengaruhi oleh factor lain.

Setelah menguraikan pengaruh tingkat Faktualiti Berita TKI di Malaysia (X_1) dan tingkat Impartialitas Berita TKI di Malaysia (X_2) secara bersama terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y) maka selanjutnya akan dilakukan analisis pengaruh tingkat Objektiviti Berita (X) terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y).

Sebelum menguraikan secara lebih detail tentang pengaruh tingkat Objektiviti Berita (X) terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y) maka terlebih dahulu akan diuraikan hasil uji validitas dan reliabilitas


instrument penelitian. Seperti telah disebutkan di awal bahwa instrument penelitian tentang tingkat objektiviti berita TKI dalam penelitian ini diukur dengan 12 butir pertanyaan. Pengukuran validitas dan reliabilitas instrument penelitian ini menggunakan bantuan program *Statistical Product and Service Solution* atau lazim dikenal dengan program SPSS versi 20,0.

Hasil uji validitas terhadap 12 butir pertanyaan tentang objektiviti berita TKI menunjukkan bahwa seluruh butir pertanyaan ternyata bernilai positif yaitu sebagai berikut; 0,294; 0,347; 0,192; 0,342; 0,250; 0,438; 0,636; 0,612; 0,618; 0,598; 0,566 dan 0,594. Untuk mengukur validitas setiap butir pertanyaan maka nilai Nilai r hitung ini dibandingkan dengan nilai r jadual. Nilai r jadual untuk $N=377$ pada taraf signifikansi 1% adalah = 0,138. Karena semua butir pertanyaan bernilai positif dan nilai r hitung setiap butir soal lebih besar dari nilai r jadual maka dapat disimpulkan bahwa semua butir pertanyaan yang digunakan untuk mengukur tingkat objektiviti berita TKI dalam penelitian ini terbukti sudah valid.

Setelah mengukur validitas instrument, tahap selanjutnya adalah mengukur reliabilitas intrumen. Untuk mengukur reliabilitas instrument maka digunakan nilai Alpha Cronbach. Hasil analisis terhadap 12 butir pertanyaan dengan $N = 377$ menunjukkan nilai Alpha yang positif yaitu = 0.805. Nilai alpha ini selanjutnya dibandingkan dengan nilai r jadual pada taraf signifikansi 1%. Nilai r jadual dengan $N=377$ dan pada taraf signifikansi 1% adalah = 0,138. Di sini tampak nilai r hitung (0,805) > nilai r jadual (0,138) pada taraf signifikansi 1%. Karena nilai Alphanya positif dan nilai r hitungnya lebih besar dari nilai r jadual maka instrument penelitian sudah terbukti handal atau reliable.

Selanjutnya dilakukan pengujian normal data. Untuk menguji taburan normal data maka digunakan salah satu metode pengukuran normal data yang menggunakan RAJAH *normal probability plot* atau lazim dikenal dengan sebutan Normal P-P Plot dengan menggunakan program SPSS versi 20,0. Adapun hasilnya dapat dilihat pada gambar rajah di bawah ini.

Rajah 2. Normal Objektiviti Berita (X) & Imej Malaysia



(Y)

Untuk dapat memutuskan normal tidaknya data berdasarkan RAJAH normal di atas maka perlu diperhatikan andaian utama RAJAH normal yaitu bahwa jika data menyebar di sekitar garis diagonal dan mengikuti arah garis diagonal, maka model regresi tersebut memenuhi asumsi normal. Sebaliknya jika data menyebar jauh dari garis diagonal dan/atau tidak mengikuti arah garis diagonal maka model regresi tidak memenuhi asumsi normal.

Rajah di atas memperlihatkan bahwa titik-titik menyebar di sekitar garis diagonal serta penyebarannya mengikuti arah garis diagonal. Hal ini berarti bahwa data variabel Objektiviti Berita (X) dan Imej Malaysia (Y) bertaburan secara normal. Dengan demikian maka data tentang Objektiviti Berita TKI dalam penelitian ini dianggap telah memenuhi salah satu syarat untuk dianalisis dengan model regresi.

Selain mensyaratkan data yang bertaburan secara normal, analisis regresi juga mensyaratkan adanya korelasi antara pembolehubah independen (Objektiviti Berita TKI) dan pembolehubah dependen (Imej Malaysia). Untuk itu, maka

dilakukan uji korelasional bivariat antara pembolehubah Objektiviti Berita TKI (X_1) dan Imej Malaysia (Y) di mata masyarakat Sulawesi Selatan. Uji korelasi ini menggunakan model Product Moment dari Pearson. Untuk keperluan uji korelasi ini maka terlebih dahulu dirumuskan hipotesis korelasi antara Objektiviti Berita TKI (X) dan Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y) sebagai berikut:

Hi: “Ada korelasi positif dan signifikan antara Objektiviti Berita TKI (X) dan Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y)”

Ho: “Tidak ada korelasi positif dan signifikan antara Objektiviti Berita TKI (X) dan Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y)”

Untuk membuktikan hipotesis di atas maka dilakukan analisis korelasi Pearson dengan bantuan program SPSS Versi 20.0 Hasilnya menunjukkan bahwa nilai $r = 0,447$ ($p \leq 0,01$). Karena nilai korelasinya bersifat positif dan nilai r hitung lebih besar dari nilai r jadual pada taraf signifikansi $1\% = 0,138$ ($r_{hit.} = 0,447 > r_{tab.} = 0,138$) maka itu artinya hipotesis Ho ditolak dan Hi diterima. Dengan demikian dapat disimpulkan bahwa ada korelasi positif dan signifikan antara Objektiviti Berita TKI (X) dan Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y). Bukti adanya korelasi positif antara tingkat objektiviti berita TKI dan imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan juga terlihat pada hasil jadual silang di bawah ini.

Jadual 17
Taburan Tingkat Objektiviti Berita dan Imej Malaysia

No	Tingkat Objektiviti Berita	Imej Malaysia		Jumlah
		Baik	Buruk	
1	Rendah	22 (6,9%)	297 (93,1%)	319 (100%)
2	Tinggi	32 (55,2%)	26 (44,2%)	58 (100%)
Jumlah		54 (14.3%)	323 (85,7%)	377 (100%)

Data pada jadual tersebut di atas memperlihatkan bahwa semakin rendah tingkat Objektiviti Berita tentang TKI di Malaysia yang disajikan oleh surat kabar fajar dan Tribun Timur maka semakin buruk pula Cira Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (93,1%). Sebaliknya, semakin tinggi tingkat objektiviti berita tentang TKI yang disajikan oleh kedua surat kabar tersebut maka semakin baik pula imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (55,2%). Selain dengan menggunakan cara di atas uji kekuatan korelasi dapat juga diperoleh dengan berpedoman pada ketentuan interpretasi terhadap coefficient korelasi yang dikemukakan oleh Sugiyono (1997:200) di bawah ini:

0,00 - 0,199 = tingkat hubungannya sangat rendah

0,20 - 0,399 = tingkat hubungannya rendah

0,40 - 0,599 = tingkat hubungannya sedang

0,60 - 0,799 = tingkat hubungannya kuat

0,80 - 1,00 = tingkat hubungannya sangat kuat

Sebagaimana diketahui bahwa hasil korelasi antara Faktualiti berita TKI dan Imej Malaysia adalah $r = 0,447$. Dengan berpedoman pada ketentuan di atas maka dapat disimpulkan bahwa tingkat keeratan hubungannya antara pembolehubah Objektiviti Berita TKI (X) dan Imej Malaysia (Y) masuk kategori sedang karena berada pada interval 0,40 - 0,599. Namun demikian tingkat korelasi di atas belum bisa dijadikan sebagai dasar untuk menyimpulkan bahwa pembolehubah objektiviti berita (X) berpengaruh terhadap Imej Malaysia (Y). Bagaimanapun juga nilai korelasi (r) di atas baru menunjukkan adanya hubungan yang bersifat simetris. Hubungan yang bersifat simetris ini sebenarnya hanya menyiratkan adanya hubungan timbal balik antara variabel X dan Y. Untuk mengetahui pengaruh variabel faktualiti berita (X_1) terhadap kredibiliti pers (Y) maka perlu dilakukan analisis regresi. Karena analisis regresi ini hanya melibatkan variabel Objektiviti Berita (X) dengan variabel Imej Pers (Y) maka yang digunakan adalah analisis regresi linear sederhana. Namun sebelum melakukan analisis regresi linear sederhana antara pembolehubah objektiviti

berita TKI (X) terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y) maka terlebih dahulu dirumuskan hipotesis utama penelitian ini yaitu sebagai berikut:

Ho: “Objektiviti Berita TKI di harian Fajar dan Tribun Timur (X) tidak berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y)

Hi: Objektiviti Berita TKI di harian Fajar dan Tribun Timur (X) berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y)

Untuk membuktikan hipotesis di atas maka akan dilakukan analisis regresi linear sederhana antara pembolehubah Tingkat Obyektivitas Berita TKI (X) dan Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y). Analisis regresi linear sederhana ini diawali dengan analisis korelasi bivariat antara pembolehubah Objektiviti berita TKI (X) dan Imej Malaysia (Y). Hasilnya menunjukkan bahwa nilai koefisien korelasinya adalah $r = 0,447$.

Selanjutnya untuk menentukan kontribusi pembolehubah Faktualiti Berita TKI di Malaysia (X_1) terhadap pembolehubah Imej Malaysia (Y) maka dapat diketahui melalui uji koefisien penentu atau coefficient determinasi. Coefficient determinasi dapat diketahui dengan cara mengkuadratkan nilai coefficient korelasi r . Jika nilai r ($0,447$) dikuadratkan maka nilai koefisien determinasinya (r^2) = $0,200$. Bila nilai coefficient determinasi ini dikalikan dengan 100% maka hasilnya = 20%. Ini berarti bahwa pembolehubah Imej Malaysia (Y) sebesar 20% dapat dijelaskan melalui varians yang terjadi pada variabel Objektiviti Berita (X). Dengan kata lain, kontribusi yang disumbangkan oleh pembolehubah Objektiviti Berita TKI yang disajikan harian Fajar dan Tribun Timur (X) terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y) adalah sebesar 20%. Selebihnya atau sebesar 80% ditentukan oleh factor lain.

Untuk merumuskan model persamaan regresi linear antara pembolehubah Objektiviti erita TKI (X) dan Imej Malaysia (Y) maka merujuk pada nilai uji koefisien regresi $Y = a + bX$. Nilai uji koefisien regresi antara pembolehubah X

dan Y dengan menggunakan program SPSS versi 20.0 menunjukkan bahwa nilai konstanta $b = 0,316$ dan $a = 1,389$. Dengan demikian model persamaan regresi antara pembolehubah Objektiviti Berita TKI (X) dan Imej Malaysia (Y) adalah sebagai berikut:

$$Y = 1,389 + 0,316X$$

Model persamaan regresi di atas menunjukkan bahwa setiap penambahan atau peningkatan satu tingkat Objektiviti Berita TKI di surat kabar Fajar dan Tribun Timur Makassar akan meningkatkan imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan sebesar 0,316. Sebaliknya, jika tak ada pembolehubah objektiviti berita TKI maka imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan sebesar 1,389.

Untuk menguji signifikansi pengaruh positif variabel Objektiviti Berita TKI yang disajikan harian Fajar dan Tribun Timur (X) terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y) maka akan dilakukan uji t. Uji t ini sengaja digunakan karena uji ini hanya melibatkan dua pembolehubah yaitu pembolehubah Objektiviti Berita TKI sebagai pembolehubah independent (X) dan pembolehubah Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan sebagai pembolehubah dependent (Y). Uji t ini dilakukan dengan cara membandingkan nilai t hitung dan t aJadual.

Hasil hitung regresi linear antara X dan Y menunjukkan bahwa nilai t hitung = 9,683. Sementara nilai t jadual pada taraf signifikansi 5% = 1,645 dan 1% = 2,326. Karena nilai t hitung lebih besar dari nilai t jadual ($t \text{ hitung} = 9,683 > t \text{ jadual} = 2,326$) pada taraf signifikansi 1% (angka signifikansinya 0,000) maka berarti bahwa hipotesis H_0 ditolak dan H_1 diterima. Dengan demikian dapatlah disimpulkan bahwa variabel Objektiviti Berita TKI di Malaysia (X) berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap variabel Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi Selatan (Y).

RUMUSAN DAN CADANGAN

Tingkat Objektiviti Pemberitaan TKI di Malaysia yang disajikan oleh harian Fajar dan Tribun Timur cenderung rendah. Hal ini tercermin pada unsur faktualiti dan impartialitas berita-berita tentang TKI yang cenderung rendah pula.

Kedua surat kabar yang dijadikan sebagai obyek penilitan sama-sama dinilai tinggi keberpihakannya dalam menyajikan berita-berita tentang TKI di Malaysia. Hal ini terlihat dari pemberian ruang yang lebih banyak diberikan kepada antara TKI atau pemerintah Indonesia dibandingkan ruang pemberitaan untuk pihak Majikan TKI atau pemerintah M Tingkat obyektivitas berita tentang TKI di Malaysia yang disajikan harian Fajar dan Tribun Timur terbukti berpengaruh secara positif dan signifikan terhadap Imej Malaysia di mata masyarakat Sulawesi selatan.

Kajian ini berfokus kepada pengaruh objektiviti berita terhadap imej dan kesannya kepada sesebuah negara. Objek kajian ini tertumpu kepada sejauhmana pengaruh objektiviti berita terhadap pembentukan imej sebuah negara. Bagi melengkapkan ataupun menilai semula hasil kajian ini maka diusulkan beberapa cadangan kajian masa hadapan. Pertama, kerajaan Malaysia perlu lebih terbuka dalam memberi akses kepada media Indonesia untuk melakukan pengesahan terhadap pelbagai kes yang menimpa TKI di Malaysia supaya wujud keseimbangan informasi. Seterusnya, pihak pemerintah Indonesia khususnya pihak kedutaan besar Indonesia di Malaysia perlu lebih proaktif dalam memberikan penjelasan kepada media berkaitan kes-kes yang menimpa TKI di Malaysia. Ketiga, media Indonesia diharapkan tidak hanya menyiarkan kes-kes bersifat negatif yang menimpa TKI di Malaysia, malah perlu seimbang dengan kejayaan-kejayaan yang diraih oleh sejumlah TKI di Malaysia. Keempat, perlu wujud jalinan kerjasama dan kesepakatan antara kewartawanan Indoensia dan Malaysia melalui program pertukaran wartawan antarabangsa sehingga kedua-dua belah pihak dapat saling memahami persekitaran sosial, budaya, politik dan ekonomi di negara masing-masing sehingga dapat mengurangkan rasa prasangka atau stereotaip di antara kedua-dua belah pihak.

BIODATA PENULIS

Das'ad Latif adalah calon siswazah peringkat kedoktoran di pusat pengajian media dan komunikasi, UKM, juga bertugas sebagai pensyarah di Universiti Hasanuddin Indonesia. Email: dasadlatif@ymail.com

Fauziah Ahmad adalah Profesor Madya di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang pengkhususan beliau adalah medi adan budaya dalam komunikasi.

Normah Mustaffa adalah Prof Madya di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah dalam bidang komunikasi visual dan kewartawanan.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdullah @ Kassim Mohammad, Mokhtar Muhammad & Haliza Binti Hasan, 2007. Laporan Akhir Kajian Terokaan tentang Pendedahan kepada Majalah Hiburan (HAI & MANGGA): Tahap Penerimaan Pembaca. Shah Alam : Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC) UiTM.

Achmad, A.S, 1990. *Manusia dan Informasi*. Ujung Pandang : Hasanuddin University Press.

Achmad, A.S., 1992. Keobyektifan dalam jurnalistik dan implikasinya pada sistem pers Indonesia. *Orasi Ilmiah Penerimaan Jabatan Guru Besar Tetap dalam Ilmu Komunikasi pada Upacara Dies Natalis ke-36 Universitas Hasanuddin Ujung Pandang*, 11 September.

Ali, N. 1998. Pers obyektif, media pemberdayaan masyarakat yang efektif. *Jurnal ISKI*. 1(7): 13-23.

Ali Salman & Mohd Safar Hasim. 2011. New media and democracy: the changing Political landscape in Malaysia. *AKADEMIKA*, 81 (1): 15- 21.

Amri Dunan dan Hamed Mohd Adnan. 2012. Bingkai Malaysia dalam pemberitaan televisyen di Indonesia. *Malaysian Journal of Media Studies*. 14(2): 1-12.

Anom, E. 2007. Jurnalisme bebas dan bertanggung jawab. *Jurnal Komunikologi*. 4(2): 126-130.

Azmah Binti AbWahab & Samsudin A.Rahim. 2013. Kredibiliti media dan penyertaan dalam persekitaran pengdemokrasian maklumat di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*. 29(1): 141-160.

- Bulaeng, A.R. 2000. *Metode Penelitian Komunikasi Kontemporer*. Makassar: Hasanuddin University Press.
- Burgh, H.D., 2003. Skills are not enough The case for journalism as an academic Discipline. *SAGE Publications* Vol. 4(1): 95–112.
- Campbell, J.H & Hepler, H.W. 1969. *Dimensions In Communication Readings*. Wadsworth Publishing Company, Inc: California.
- Charnley, M.V. 1965. *Reporting*. Holt. New York : Rinehart and Winston.
- Dennis, E.E. & Merrill J.C. 1985. *Basic Issues in Mass Communication*. New York: Macmillan Publishing Company.
- DeFleur, L.M & Dennis. 1985. *Understanding Mass Communication*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Dewan Bahasa & Pustaka Kuala Lumpur. 1987. *Kamus Pelajar: Bahasa Malaysia*. Hulu Kelang Selangor Darul Ehsan : Dawama Sdn. Bhd.
- Gans, H.J. 1980. *Deciding What's News*. New York : Random House Inc.
- Hamed Mohd Adnan & Rahman Shaari. 2006. *Media di Malaysia, Mendukung Citra Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasmah Zanuddin. 2010. New media policy: a comparative perspective on Malaysia and Korea. *Malaysian journal of media studies*. 12(1): 37–52.
- Hidayat, D.N. 1996. Politik Media dan Krisis Sistem Komunikasi. Jakarta: *Harian Kompas*, 6, 27 Jun.
- Hiebert, U. & Bohn. 1991. *Mass Media VI. An Introduction To Modern Communication*. London: Longman.
- Kovach, B. & Rosenstiel, T. 2001. *Elements of Journalism. What Newspeople Should Know and The Public Should Expect*. New York: Crown Publisher.
- Journal Of The Humanities Of Indonesia. 1999. *Wacana : Jurnal Ilmu Pengetahuan Budaya*. Jakarta : Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Junaidi. 2010. Pandangan editor surat kabar Indonesia dan Malaysia terhadap jJurnalisme multikultural. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, Vol.8 (2) : 105 – 116.
- Lai Che Ching @ Abd.Latif & Lee Kuok Tiung. 2006. Kasus Ambalat : reaksi media Indonesia: framing dan komunikasi antarabangsa. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* Vol 23: 14-27.

- Lent, A.J., 1990, The development of multicultural stability in ASEAN: the role of mass media. *Journal of Asia-Pasific Communication*, 1: 32-51.
- Louis, P. & Fieser, J. 2008. Cengage Advantage Books: Ethics: Discovering Right and Wrong. Belmont, USA : Wadsworth.
- Lowrey, W. 2006. Mapping the journalism–blogging relationship. *SAGE Publications* 7(4): 477–500.
- McQuail, D. 1994. *Mass Communication Theory An Introduction. Third Edition*. London: Sage Publication.
- McQuail, D. 2005. *McQuail's Mass Communication Theory*. California : Sage Publications Ltd.
- Merrill, J.C. 1985. Is ethical journalism simply objective reporting. *Journalism Quarterly*. 62, 2:391-93.
- Miller, S.H. 1978. *Reporters and Congressmen: Living In Symbiosis*. Kentucky: Lexington.
- Newhagen, J. & Nass, C. 1985. Differential Criteria for Evaluating Credibility of Newspaper and TV News. *Journalism Quarterly*. 62, 2 :277-84.
- Piliang, Y. A. 2010. *Semiotika dan Hipersemiotika: Gaya, Kode dan Matinya Makna*. Bandung : Matahari.
- Pusat Pengajian Siswazah. 2002. *Panduan Menulis Tesis : Gaya UKM / Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Ed. Ke-7, Semakan Lengkap*. Malaysia : Watan Sdn. Bhd.
- Rani Ann Balaraman & Faridah Ibrahim. 2013. Kewartawanan dari warga kepada warga: punca kewujudan dan perkembangannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 29(2): 175-188.
- Senjaya, S. D.. 1998. Sistem media massa yang adil dan demokratis sesuai tuntutan reformasi. *Jurnal ISKI*. I(7) : 4-12.
- Singarimbun, M. & Sofian, E. 1989. *Metode Penelitian Survey*. Jakarta : LP3ES.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. 2013. Pemilihan berita dari perspektif wartawan media cetak di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 29(2) : 51-68.
- Smeltzer, S. 2008. Biotechnology, the Environment, and Alternative Media in Malaysia. *Canadian Journal of Communication*, 33 : 5-20.

- Smith, J.M. 1988. *Contemporary Communication Research Methods*. California: Wadsworth Publishing Company.
- Stanley, B.J. 2011. *Pengantar Komunikasi Massa: Literasi Media dan Budaya (Introduction to Mass Communication : Media Literacy and culture)*. Jakarta : Salemba Humanika.
- Sugiyono. 1997. *Statistika untuk Penelitian*. Bandung: Alfabeta.
- Sugiono. 2012. *Metode Penelitian Kombinasi (Mixed Methods)*. Bandung : Alfabeta.
- Syed Arabi Idid & Kee, C.P. 2012. The media and public agenda among the Malay and Chinese communities during the 2008 Malaysian General Elections. *Asian Social Science*. 8(5): 107-115.
- Tajibu, K. 2000. Tingkat kepuasan pelanggan surat kabar Fajar di Kota Makassar. *Tesis tidak diterbitkan*. Makassar: Program Pascasarjana UNHAS.
- Undang-Undang Republik Indonesia No.40 Tahun 1999 Tentang Pers*. Bagian Proyek Peningkatan Publikasi Pemerintah Direktorat Publikasi, DITJEN PPG, DEPPEN RI.
- Westerthal, J. (1983). Objective News Reporting. *Communication Research* 10(3); 403-404.